

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**



**PENGAMBILAN KADET
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
BAGI MENGIKUTI KURSUS DIPLOMA
PASCA SISWAZAH PENGURUSAN AWAM
SESI 2022**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

Kekosongan : 400

Simpanan : 50

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) memiliki ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(ii) memiliki ijazah sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(iii) memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (d) lulus peperiksaan memasuki perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang ditetapkan;
- (e) lulus Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) yang ditetapkan;
- (f) lulus Profession Assessment Centre (PAC) yang ditetapkan; dan
- (g) hadir dan lulus dengan jayanya Diploma Pasca Siswazah Pengurusan Awam anjuran Institut Tadbiran Awam Negara dan diperakukan oleh JPA bagi tujuan dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

Terbuka

4. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah sarjana muda/ sarjana/ doktor falsafah (PhD) yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

5. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-tadbir-dan-diplomatik-gred-m41>

.....
Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **07 Jun 2021 (Isnin), jam 11.59 malam.**
.....

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM